

Isu jambatan tidak perlu pungutan suara

PUTRAJAYA: Kerajaan tidak perlu mengadakan pungutan suara untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat, khususnya di Johor berhubung pembatalan projek membina jambatan menggantikan Tambak Johor. Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata ini kerana pembatalan itu dibuat selepas mendapat nasihat Peguam Negara dan Menteri Kabinet menyatakan pandangan kepada Perdana Menteri.

"Sebab itu, kita (Kabinet) ada pen-

dirian yang jelas dan sedia memberikan penjelasan. Memang dalam sesebuah negara itu ada yang sokong dan ada yang bantah, tapi dalam demokrasi, kita kena ikut majoriti.

"Tanyalah Datuk Shahir Samad (Ahli Parlimen Johor Bahru)," tanyalah Tan Sri Muhyiddin Yassin (Pagoh), tanyalah Datuk Seri Syed Hamid Albar (Kota Tinggi). Mereka ketua di kawasan masing-masing. "Jadi, kerajaan tidak memerlukan pungutan suara kerana bahagian dan cawangan parti yang ada di Johor sudah mencukupi untuk kita men-

dapatkan maklumat mengenai sokongan rakyat," katanya selepas majlis anugerah khidmat cemerlang kementerian di sini, semalam.

Sebelum ini, Dr Mahathir menandatangani supaya diadakan pungutan suara membabitkan rakyat Johor berhubung keputusan kerajaan membatalkan projek jambatan menggantikan Tambak Johor itu.

Sehubungan itu Mohamed Khaled yang juga, Ahli Parlimen Pasir Gudang berkata, bekas Perdana Menteri itu dan pembangkang tidak boleh mengatakan rakyat khususnya di Johor

membantah keputusan kerajaan.

Beliau berkata, Abdullah juga tidak perlu memberikan penjelasan berhubung keputusan kerajaan membatalkan pembinaan jambatan itu projek landasan berkembar dan penjualan MV Agusta.

Katanya, jika Abdullah terbabit dalam isu itu ia boleh menjejaskan kestabilan politik dan kedudukan ekonomi negara.

Katanya, keputusan itu diambil selepas mengambil kira kepentingan rakyat dari semua Menteri Kabinet memberikan pandangan masing-masing.